

**WANITA DAN PEMERKASAAN: SATU KAJIAN
KES PENGLIBATAN ISTERI NELAYAN DALAM
PERSATUAN KUNITA SINAR MUTIARA
DI PULAU PINANG**

NOOR CARMELITA BINTI MOHAMED NOOR

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2015**

**WANITA DAN PEMERKASAAN: SATU KAJIAN
KES PENGLIBATAN ISTERI NELAYAN DALAM
PERSATUAN KUNITA SINAR MUTIARA
DI PULAU PINANG**

OLEH

NOOR CARMELITA BINTI MOHAMED NOOR

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan
Bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Mac 2015

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Buat emak yang tersayang, Puan Zaharah Bt. Saad, terima kasih di atas sokongan, kasih sayang, doa dan restu yang diberikan kepada anak emak sepanjang anak emak bergelar seorang pelajar. Jasa dan pengorbanan mak tidak mungkin dapat dibalas dengan wang ringgit. Insan yang amat saya hormati dan sanjungi, Prof. Madya Dr. Norhafizah Bt. Haji Selamat, jutaan terima kasih di atas dorongan, sokongan, teguran dan tunjuk ajar yang diberikan. Sekalung penghargaan juga kepada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK) kerana membiayai pengajian saya dengan memberikan *Skim Fellowship* sepanjang tempoh pengajian saya di sini. Seterusnya, setinggi penghargaan juga kepada semua Pensyarah PPSK dan kakitangan PPSK yang turut sama membantu saya selama saya bergelar seorang pelajar. Tidak lupa juga kepada keluarga saya iaitu Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Sinar Mutiara yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang saya menjalankan penyelidikan di Teluk Bahang. Kepada kawan-kawan di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Norhafizah Bt. Haji Selamat, terima kasih kerana menjadi tulang belakang kepada saya disaat saya memerlukan sokongan dan nasihat dalam meneruskan perjalanan ini. Akhir sekali kepada mereka yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung, saya ucapkan jutaan terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada kajian ini. Sesungguhnya, yang baik itu datang daripada DIA dan yang buruk itu datang daripada kelemahan diri saya sendiri.

**NOOR CARMELITA BINTI MOHAMED NOOR
PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI PLAT	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1-4
1.2 Permasalahan Kajian	4-5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Organisasi Kajian	7-8

BAB 2 SOROTAN KARYA

2.0 Pengenalan	9
2.1 Konsep Kuasa dan Pemerkasaan	
2.1.1 Kuasa	9-10
2.2.2 Pemerkasaan	10-13

2.2	Konsep Usahawan dan Keusahawanan	13-15
2.3	Wanita dan Aktiviti Keusahawanan	5-16
2.4	Pemerkasaan Wanita Melalui Program Keusahawanan	16-20
2.5	Wanita Nelayan dan Aktiviti Keusahawanan	20-23
2.6	Kerangka Teoritikal	23
	2.6.1 Indikator Penentu Aktiviti Keusahawanan	24-26
	2.6.2 Indikator Pemerkasaan Wanita	26-27
2.7	Rumusan	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	29
3.1	Lokasi Kajian	29-30
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	30-31
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	32
	3.3.1 Temubual Secara Mendalam	33-34
	3.3.2 Profil Informan	35-36
	3.3.3 Pemerhatian Tidak Turut Serta	36-37
3.4	Pengumpulan Data Sekunder	38
	3.4.1 Penyelidikan Perpustakaan	38
	3.4.2 Perolehan Maklumat Yang Berkenaan Daripada Agensi, Jabatan Kerajaan, Tesis Akademik dan Laman Web Yang Berkaitan	38
3.5	Analisis Data	38
	3.5.1 Analisis Kandungan Teks	38-42
3.6	Persetujuan dan Etika Kerahsiaan	43
3.7	Rumusan	43

BAB 4 AKTIVITI KEUSAHAWANAN DAN PROFIL INFORMAN KUNITA SINAR MUTIARA

4.0	Pengenalan	44
4.1	Sejarah Penubuhan KUNITA	44-46
4.2	KUNITA Sinar Mutiara	46-49
4.2.1	Pengerusi	49
4.2.2	Naib Pengerusi	49
4.2.3	Setiausaha	49-50
4.2.4	Bendahari	50
4.2.5	Ahli Jawatankuasa	50
4.3	Aktiviti Yang Dijalankan	51
4.4	Keanggotaan Dalam KUNITA	52
4.4.1	Informan 1 – Ton	53-54
4.4.2	Informan 2 – Timah	55-57
4.4.3	Informan 3 – Alya	57-59
4.4.4	Informan 4 – Hindun	59-60
4.4.5	Informan 5 – Eton	61-62
4.4.6	Informan 6 – Milah	62-63
4.4.7	Informan 7 – Temah	63-65
4.4.8	Informan 8 – Bedah	65-66
4.4.9	Informan 9 – Jenab	66-67
4.4.10	Informan 10 – Normah	68-69
4.4.11	Informan 11 – Maton	69-70
4.4.12	Informan 12 – Liza	70-71
4.5	Rumusan	72

BAB 5 AKTIVITI KEUSAHAWANAN DAN INDIKATOR PENENTU KEJAYAAN KEUSAHAWANAN

5.0	Pengenalan	73
5.1	Aktiviti Keusahawanan Kedai Makan KUNITA	73-74
5.2	Operasi Kedai Makan	75-78
5.3	Pembayaran Upah	79-80
5.3.1	Syif Pagi: Upah Pembantu Kedai	80
5.3.2	Syif Petang: Upah Pembantu Kedai	81
5.3.3	Upah Tukang Masak	82
5.3.4	Upah Pembancuh Air	83
5.4	Kedai Kraftangan	84-86
5.5	Waktu Operasi	87
5.6	Upah	88
5.6.1	Syif Pagi: Upah kepada Pekerja Kedai Kraftangan	88
5.6.2	Syif Petang: Upah kepada Pekerja Kedai Kraftangan	89-90
5.7	Pelanggan	90-91
5.8	Kajian Kes	91
5.8.1	Kajian kes 1	91-93
5.8.2	Kajian kes 2	94-95
5.9	Demografi Profil Informan	88
5.9.1	Umur	96
5.9.2	Status Perkahwinan	97
5.9.3	Jumlah Anak	97
5.9.4	Tahap Pendidikan	98
5.9.5	Pekerjaan Suami	99-100
5.9.6	Pengalaman Kerja Informan	100-101

5.9.7	Jenis perniagaan	102-103
5.9.8	Pendapatan	103-104
5.9.9	Kursus Dihadiri Anjuran KUNITA	105-106
5.10	Analisis Kualitatif	106
5.10.1	Informaliti	106-107
5.10.2	Persekutuan Institusi	107
5.10.3	Ciri-ciri Usahawan	108
5.10.4	Persekutuan Sosio-budaya	109
5.10.5	Kewangan	109-110
5.10.6	Infrastruktur	110-111
5.11	Rumusan	112

BAB 6 PEMERKASAAN WANITA MELALUI AKTIVITI KEUSAHAWANAN KUNITA

6.0	Pengenalan	113
6.1	Penglibatan	113-114
6.2	Kejayaan Aktiviti Keusahawanan	114-115
6.3	Keupayaan Informan Dalam Membuat Keputusan	115
6.3.1	Peningkatan Penglibatan Wanita dalam Membuat keputusan	115-116
6.3.1.1	Kuasa Membuat Keputusan	116-119
	6.3.1.2 Peningkatan Kuasa Membuat Keputusan dan Penglibatan Dalam Komuniti	119-120
6.4	Kawalan Ke Atas Aset Oleh Informan	120
6.3.1	Kuasa mengawal kewangan	120-126
6.4	Mobiliti Dan Autonomi Informan	127-129
6.4.1	Aktiviti Keusahawanan Telah Meningkatkan Mobiliti Informan	129-136

6.5	Keyakinan Informan	
6.5.1	Keyakinan Sebelum Menyertai KUNITA	137-138
6.5.2	Keyakinan Selepas Menyertai KUNITA	139
6.6	Interaksi Informan	140-141
6.6.1	Hubungan Dengan Ahli-ahli KUNITA	142-144
6.6.2	Hubungan Dengan Kakitangan LKIM	144-145
6.7	Kecekapan Dalam Menjalankan Peranan	145
6.7.1	Peranan Sebagai Ibu	145-149
6.7.2	Peranan Sebagai Isteri	149-150
6.8	Rumusan	151-152
BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN		153-158
BIBLIOGRAFI		159-167
LAMPIRAN 1 SOALAN TEMUBUAL		
LAMPIRAN 2 PROFIL INFORMAN		

SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
Jadual 2.1	Indikator Penentu Aktiviti Keusahawanan	25-26
Jadual 2.2	Indikator Pemerksaan Wanita	27
Jadual 3.1	Profil Informan	35-36
Jadual 4.1	Jawatan dalam KUNITA	52
Jadual 5.1	Pengiraan Upah Pembantu Kedai Syif Pagi	80
Jadual 5.2	Pengiraan Upah Pembantu Kedai Syif Petang	81
Jadual 5.3	Pengiraan Upah Tukang Masak	82
Jadual 5.4	Pengiraan Upah Pembancuh Air	84
Jadual 5.5	Pengiraan Upah Pekerja Kedai Kraftangan Syif Pagi	88
Jadual 5.6	Pengiraan Upah Pekerja Kedai Kraftangan Syif Pagi	89
Jadual 5.7	Umur Informan	96
Jadual 5.8	Bilangan Anak Informan	97
Jadual 5.9	Tahap Pendidikan Informan	98
Jadual 5.10	Pekerjaan Suami Informan	99
Jadual 5.11	Pengalaman Kerja Informan	100
Jadual 5.12	Perniagaan yang dijalankan oleh Ahli KUNITA	102
Jadual 5.13	Pendapatan Informan	103

Jadual 5.14	Kursus yang pernah disertai oleh Informan	105
Jadual 6.1	Aktiviti keusahawanan KUNITA	114
Jadual 6.2	Bentuk Pemerkasaan Kuasa	123
Jadual 6.3	Tahap Mobiliti dan Autonomi	128
Jadual 6.4	Indikator Pemerkasaan Mobiliti	136
Jadual 6.5	Indikator Pemerkasaan Keyakinan	138
Jadual 6.6	Indikator Pemerkasaan Interaksi	141
Jadual 6.7	Indikator Pemerkasaan Peranan	147

RAJAH	SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 3.1	Kerangka Kajian	32
Rajah 3.2	Aliran Proses Analisis Kandungan	41
Rajah 3.3	Carta Gantt Metodologi Penyelidikan	42
Rajah 4.1	Organisasi KUNITA Sinar Mutiara	48
Rajah 5.1	Organisasi Kedai Makan	76

SENARAI PLAT

PLAT		MUKA SURAT
Plat 4.1	Logo KUNITA	45
Plat 5.1	Pusat Kegiatan Ekonomi KUNITA Sinar Mutia	74
Plat 5.2	Pelanggan menjamu selera di Kedai Makan KUNITA	73
Plat 5.3	Barangan kraftangan yang dijual di Kedai Kraftangan KUNITA	85
Plat 5.4	Kraftangan untuk dijadikan set cenderamata	85
Plat 5.5	Kraftangan yang dibuat oleh kanak-kanak OKU	86
Plat 5.6	Pelanggan yang mengunjungi Kedai Kraftangan	90
Plat 5.7	Kraftangan yang berbentuk sepasang ayam	92
Plat 5.8	Rantai leher mutiara	92
Plat 5.9	Gelang tangan siput	93
Plat 5.10	Kraftangan siput	93
Plat 5.11	Pelbagai corak tudung saji	94
Plat 5.12	Kraftangan yang dihasilkan daripada siput	95
Plat 5.13	Kraftangan bunga plastik	95

SENARAI PETA

PETA

MUKA SURAT

Peta 3.1	Lokasi Kajian	30
----------	---------------	----

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
CIRDAP	<i>Centre and Integrated Rural Development for Asia and The Pacific</i>
DWN	Dasar Wanita Negara
IKS	Industri Kecil Sederhana
ITAF	<i>Industrial Technical Assistance Fund</i>
KUNITA	Kumpulan Isteri-isteri Nelayan
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
OKU	Orang Kelainan Upaya
PAKSI	Pakej Kewangan untuk Usahawan Wanita
PNK	Persatuan Nelayan Kawasan
PUZ	Pusat Urus Zakat
SMIDEC	<i>Small and Medium Industry Development Corporation</i>
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

**WANITA DAN PEMERKASAAN: SATU KAJIAN KES PENGLIBATAN
ISTERI NELAYAN DALAM PERSATUAN KUNITA SINAR MUTIARA
DI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Persatuan Kumpulan Isteri Nelayan (KUNITA) telah ditubuhkan di Malaysia hampir 30 tahun yang lalu dan dikatakan banyak memberi sumbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat nelayan. Namun kajian secara spesifik untuk melihat sama ada penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan KUNITA mampu untuk meningkatkan tahap pemerkasaan ahlinya masih belum banyak dijalankan. Walaupun ahli-ahli Persatuan KUNITA telah banyak diberikan bantuan dari segi bentuk kewangan dan kemahiran melalui kursus-kursus dan bengkel yang dibiayai oleh LKIM namun mereka yang benar-benar berjaya menjadi usahawan adalah dalam jumlah yang amat kecil. Dengan menggunakan kaedah temubual mendalam dan pemerhatian, tesis ini ingin mengkaji bagaimana persatuan KUNITA sebagai organisasi penting dalam Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berperanan dalam memperkasakan ahli-ahli KUNITA yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan. 12 orang informan telah ditemubual secara mendalam dan proses analisis telah melibatkan enam indikator penentu kejayaan aktiviti keusahawanan dan lima indikator pemerkasaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perniagaan informan masih dikategorikan sebagai berskala kecil dan menghadapi cabaran dari segi kekurangan modal dan faktor usia. Kedua faktor tersebut menjadi penentu kepada produktiviti perniagaan. Berdasarkan indikator pemerkasaan, hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi membuat keputusan dalam hal rumahtangga dan peningkatan keupayaan kawalan ke atas aset dalam

kalangan informan. Apa yang lebih menarik ialah informan juga dapat merasai perubahan dari segi keupayaan mobiliti dan autonomi kerana penglibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan. Kajian ini menekankan bahawa pemerkasaan adalah merupakan satu indikator penting untuk melihat keberkesanan aktiviti keusahawanan dalam kehidupan wanita komuniti nelayan kerana tahap pemerkasaan yang tinggi hasil daripada penglibatan tersebut penting untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga.

**WOMEN AND EMPOWERMENT: A CASE STUDY OF PARTICIPATION
OF FISHERMENS' WIVES IN PERSATUAN KUNITA SINAR
MUTIARA, PENANG**

ABSTRACT

Fishermen's Wives Association Group (KUNITA) was established in Malaysia almost 30 years ago and claimed to be one of the contributors in enhancing the economic status of fishing communities. However, specific studies to see whether the involvement of women in entrepreneurial activities KUNITA was able to increase the level of empowerment of its members is still yet to be done. While members of KUNITA was awarded with various forms of assistance in terms of finance and skills through courses and workshops funded by LKIM but the real successful entrepreneurs are hard to produce. Using in-depth interviews and observations, objective of this thesis is to examine how KUNITA as an important organization in the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) play its role in empowering KUNITA members in entrepreneurship activities. 12 informants were being selected to be interviewed and the analysis process used six indicators of successful determinants of entrepreneurial activity and five indicators of empowerment. The findings show that the informant's businesses are still being categorized as small scale and therefore lack of capital and the age are the main factors that determine business productivity. Based on the analysis of indicators of empowerment, the analysis shows that there is an improvement in terms of decision-making power the increase of control over assets among informants. What is more interesting is that informants may also experience a change in their mobilities and autonomies for their involvement in entrepreneurial activities. This study wants to

emphasize that empowerment is an important indicator for the effectiveness of entrepreneurial activity in women's life in fishing communities. High level of empowerment is essential to improve the socio-economic status of the family.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dewasa ini penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan dilihat semakin meningkat terutamanya dari tahun 1982 sehingga tahun 2008¹. Jumlah tersebut meningkat saban tahun dan ia merupakan satu bentuk perkembangan yang positif dalam membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Rentetan daripada itu, pelbagai bantuan disediakan oleh kerajaan untuk membantu golongan wanita yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Peluang untuk golongan wanita menceburkan diri dalam bidang keusahawanan terbuka dengan luas kerana setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan (Ab Aziz, 1998; Rohayu et al., 2010). Hal ini disebabkan pelbagai bantuan diberikan kepada mereka yang benar-benar berminat untuk menjadi seorang usahawan. Selain bantuan modal, kerajaan juga telah merangka pelbagai bentuk latihan dan kursus yang bertujuan untuk membentuk golongan wanita menjadi usahawan yang berjaya. Antara agensi-agensi yang terlibat dalam bantuan ini termasuklah bantuan skim mikro kredit iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang kesemuanya berperanan dalam memberikan bantuan kewangan untuk tujuan melibatkan dalam aktiviti keusahawanan berskala kecil dan sederhana.

¹ Sumber daripada www.statistics.gov.my pada Januari 2011. Maklumat terkandung dalam Siaran Khas, Penyiasatan Tenaga Buruh Usahawan Di Malaysia, Siri 4, Bil. 1/2009.

Keusahawanan dan pemerkasaan saling melengkapi antara satu sama lain (Vijayalakshmi dan Prajeetha, 2008) kerana keusahawanan merupakan laluan kepada golongan wanita untuk memperkasakan diri mereka. Golongan wanita menggunakan keusahawanan untuk mengubah kehidupan mereka dan orang lain serta proses ini berlaku di mana mereka tinggal (Susan, 2009). Keusahawanan juga menjadi titik permulaan kepada golongan wanita yang mahu meningkatkan pendapatan. Pemerkasaan wanita juga merupakan kunci kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara (Rathakrishnan dan Sriram, 2008). Ini kerana pemerkasaan mampu mengubah kualiti hidup wanita luar bandar atau wanita tempatan terutamanya dalam bidang ekonomi (Tracey dan Maureen, 2008).

Pemerkasaan wanita terutamanya yang berkaitan dengan pengawalan terhadap diri sendiri adalah penting untuk memastikan mereka sedar yang mereka mempunyai hak terhadap kehidupan mereka terutamanya hak untuk membuat keputusan dan menentukan apa yang mereka kehendaki (Hafizah dan Rahimah, 2012). Selain itu, pemerkasaan juga penting bagi meningkatkan tahap kesedaran ideologi seseorang iaitu yang berkaitan dengan kepercayaan, perwatakan dan nilai. Bukan itu sahaja, pemerkasaan wanita juga dapat dibentuk melalui pendidikan, idea, kesedaran dan mobiliti bagi membolehkan wanita membuat keputusan sendiri dengan penuh keyakinan (Preeti dan Shashi, 2008).

Dalam sektor perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menubuhkan Persatuan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) bagi membantu golongan wanita untuk meningkatkan sosioekonomi kerana mereka merupakan tunjang utama dalam penjana ekonomi institusi nelayan. Pada tahun 1983, KUNITA telah ditubuhkan dibawah Progam Pembangunan Masyarakat Nelayan dengan tujuan untuk meningkatkan sosio-ekonomi keluarga nelayan di samping untuk mengukuhkan lagi institusi komuniti nelayan (Nor Hafizah et al., 2010). KUNITA mahu melahirkan wanita nelayan yang berkemampuan untuk merealisasikan potensi diri mereka ke peringkat optima sebagai penggerak dalam pembangunan dan kemakmuran institusi keluarga, masyarakat dan negara².

KUNITA juga ditubuhkan untuk melahirkan wanita nelayan yang berpengetahuan dan mempunyai ilmu dalam hak-hak wanita untuk mengelakkan daripada berlaku penindasan. Penglibatan ahli-ahli KUNITA dalam aktiviti keusahawanan sememangnya telah banyak didokumentasikan namun aspek sama ada aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh ahli KUNITA ini mampu untuk meningkatkan tahap pemerkasaan mereka tidak banyak dikaji. Oleh itu, kajian ini ingin melihat bagaimana persatuan KUNITA sebagai organisasi penting dalam LKIM berperanan dalam memperkasakan diri ahli-ahli KUNITA yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang diadakan oleh KUNITA.

² Sumber daripada majalah KUNITA, Edisi 4 Tahun 2007.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Banyak kajian telah dijalankan untuk melihat penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan. Namun penyelidikan mengenai pemerkasaan wanita nelayan melalui bidang keusahawanan terutamanya dalam kalangan ahli-ahli KUNITA masih tidak banyak dilakukan. Walaupun Persatuan KUNITA telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia hampir 30 tahun yang lalu dan dikatakan banyak memberi sumbangan kepada ekonomi setempat namun kajian yang melihat sama ada penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan KUNITA mampu untuk meningkatkan tahap pemerkasaan ahlinya masih belum banyak dijalankan.

Walaupun ahli-ahli Persatuan KUNITA telah banyak diberikan bantuan dari segi bentuk kewangan dan kemahiran melalui kursus-kursus dan bengkel yang dibiayai oleh LKIM namun mereka yang benar-benar berjaya menjadi usahawan adalah dalam jumlah yang amat kecil. Antara faktor utama kegagalan mereka dalam aktiviti keusahawanan kerana kekurangan keyakinan diri dan modal. Keyakinan diri dan modal merupakan satu aspek penting dalam konteks pemerkasaan. Mengapa keadaan ini boleh berlaku? Adakah penglibatan mereka dalam persatuan KUNITA benar-benar dapat meningkatkan pemerkasaan ahli-ahli KUNITA?

Pemerkasaan merupakan satu indikator penting untuk melihat keberkesanannya aktiviti keusahawanan dalam kehidupan wanita dalam komuniti nelayan ini kerana tahap pemerkasaan yang tinggi hasil daripada penglibatan ini penting untuk membangunkan bukan sahaja ekonomi komuniti nelayan tetapi juga meningkatkan potensi diri golongan

wanita yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan ini. Inilah kelompongan ilmu yang wujud dalam sorotan karya dan dengan itu kajian ini amat penting dijalankan bagi mengisi kelompongan ilmu tersebut terutamanya dalam aspek pemerkasaan dan keusahawanan wanita komuniti nelayan. Justeru, kajian ini akan memberi fokus kepada prestasi aktiviti keusahawanan ahli KUNITA dan bagaimana penglibatan mereka ini mampu untuk meningkatkan tahap pemerkasaan mereka.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i- Apakah bentuk aktiviti keusahawanan yang dijalankan?
- ii- Apakah penentu kepada kejayaan aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh ahli-ahli KUNITA?
- iii- Bagaimanakah aktiviti keusahawanan KUNITA dapat memperkasakan isteri-isteri nelayan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i- Mengenalpasti bentuk aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh KUNITA Sinar Mutiara
- ii- Menganalisis penentu kepada kejayaan aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh ahli KUNITA
- iii- Mengkaji bagaimana aktiviti keusahawanan ini dapat memperkasakan ahli-ahli KUNITA

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada dunia penyelidikan khususnya dalam bidang antropologi di Malaysia. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi kayu pengukur kepada LKIM bagi melihat keberkesanan program keusahawanan yang ditubuhkan untuk membantu meningkatkan lagi prestasi persatuan KUNITA dalam melahirkan usahawan yang berdaya saing dan bermotivasi.

Di samping itu, kajian ini juga merupakan sumbangan kecil kepada isteri-isteri nelayan untuk membuktikan bahawa mereka juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi setempat. Tambahan pula, Teluk Bahang adalah kawasan pelancongan yang terkenal di Malaysia dan secara tidak langsung KUNITA memainkan peranan dalam industri pelancongan tempatan. Produk yang dihasilkan oleh KUNITA seperti barang kraftangan membantu menaikkan nama KUNITA itu sendiri. Selain itu, dapatan kajian juga boleh digunakan oleh LKIM sebagai model kejayaan program keusahawanan KUNITA. Malah, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan pada masa hadapan oleh pelajar, penyelidik lain atau institusi berkaitan untuk tujuan rujukan.

1.6 ORGANISASI KAJIAN

Bab satu menfokuskan kepada pengenalan kajian iaitu mengenai pemerkasaan wanita melalui program keusahawanan. Selain latar belakang kajian, bab ini juga menceritakan tentang permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan juga kepentingan kajian. Setiap isu dikaitkan dengan fokus utama kajian ini iaitu mengenai pemerkasaan wanita dan juga program keusahawanan.

Bab dua pula mengenai sorotan karya daripada kajian-kajian lepas berdasarkan pembacaan penyelidik. Setiap kajian akan dirujuk dan dikupas dengan mendalam terutamanya mengenai konsep usahawan, aktiviti keusahawanan dan penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan yang dikaitkan dengan pemerkasaan. Selain itu, kerangka konseptual yang menjadi nadi utama tesis ini juga akan turut dibincangkan dalam bab ini. Bab tiga pula menumpukan perbincangan mengenai metodologi kajian iaitu bentuk penyelidikan yang digunakan. Data primer dan data sekunder digunakan untuk mendapat maklumat mengenai kajian yang dijalankan.

Bab empat berfokus kepada perbincangan mengenai latar belakang KUNITA Sinar Mutiara, pengurusan KUNITA Sinar Mutiara dan aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Selain daripada itu, bab ini juga menjelaskan mengenai profil ahli-ahli KUNITA secara terperinci. Bab lima akan memberikan analisis mengenai demografi profil informan dan perbincangan mengenai aktiviti keusahawanan KUNITA dan juga analisis indikator penentu kejayaan aktiviti keusahawanan KUNITA.

Bab enam pula akan membincangkan secara kritikal indikator pemerkasaan dan analisis dapatan kajian iaitu pemerkasaan wanita melalui aktiviti keusahawanan KUNITA. Dalam bab ini menjelaskan tentang enam indikator utama yang menjadi elemen pemerkasaan. Bab tujuh ialah bab kesimpulan dan hasil kajian. Cadangan kajian pada masa hadapan serta sumbangan kajian akan turut dibincangkan dalam bab ini.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.0 PENGENALAN

Bab dua membincangkan secara terperinci kajian-kajian lepas mengenai seperti konsep kuasa, pemerksaan, usahawan, keusahawanan serta kajian mengenai penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan. Kerangka konseptual kajian dan indikator yang digunakan untuk tujuan analisis akan turut dibincangkan dalam bab ini. Tinjauan kajian lepas dibuat bertujuan untuk menyorot secara kritikal kajian-kajian lepas mengenai pemerksaan wanita terutamanya dalam aktiviti keusahawanan serta status terkini kajian ini. Perbincangan juga akan memfokuskan kepada kelompongan kajian mengenai isu ini.

2.1 KONSEP KUASA DAN PEMERKASAAN

2.1.1 Kuasa

Kuasa ialah keupayaan yang dimiliki oleh seseorang individu untuk mempengaruhi tindakan orang lain (Rudie, 1994). Malah seseorang individu itu berkeupayaan untuk membuat orang lain melakukan apa yang dia inginkan (Weber, 1946; Page dan Czuba, 1999). Kuasa, menurut Weber (1946) pula adalah berkait rapat dengan keupayaan seseorang individu atau kumpulan individu untuk mempengaruhi individu lain atau kumpulan lain untuk melakukan apa yang mereka inginkan walaupun mendapat tentangan. Berbeza pula dengan Kabeer (2001) yang mengatakan kuasa ialah kebolehan yang dimiliki oleh seseorang individu untuk membuat keputusan dalam sesuatu perkara. Malah individu yang berkuasa juga mempunyai pengaruh dan kawalan ke atas satu

komoditi atau struktur yang bercerai daripada tindakan manusia (Lips, 1991). Oleh yang demikian, jelas membuktikan kuasa sememangnya mempunyai pertalian antara individu, kumpulan dan institusi sosial dalam masyarakat itu sendiri (Dye, 2005). Yayori (1999) menegaskan bahawa seseorang itu tidak boleh menyalahgunakan kuasa untuk mendominasi sesuatu, mengeksplorasi untuk tujuan tertentu atau mengawal kuasa untuk kepentingan sendiri. Sebaliknya kuasa itu ialah apabila seseorang dapat membuat keputusan dengan sendirinya secara bijak dan penuh keyakinan sebagai seorang wanita, kuasa untuk menentukan apa yang tidak diperlukan dalam kehidupan, kuasa untuk berkongsi kesakitan dengan orang yang ditindas, kuasa untuk mengawal persekitaran, kuasa untuk bertindak dalam menentukan tindakan sosial dan kuasa untuk mencipta budaya dan nilai yang baru. Kuasa boleh dirumuskan bahawa kuasa adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia tetapi kuasa itu ada dan ia wujud dalam masyarakat kita. Kuasa juga dapat mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang terhadap sesuatu perkara. Apabila kuasa seseorang wanita itu bertambah dan bersatu (Yayori, 1999), mereka boleh bergerak ke hadapan dalam menempuh cabaran di peringkat yang lebih tinggi.

2.1.2 Pemerkasaan

Keupayaan yang dimiliki seseorang individu atau kumpulan untuk membuat pilihan dan mentransformasikan pilihan tersebut menjadi tindakan yang dikehendaki untuk mendapatkan hasilnya adalah satu pemerkasaan (World Bank, 2007). Malah pemerkasaan juga merupakan satu proses untuk mencapai sesuatu (Maholtra et al., 2002)

seperti keupayaan untuk berhubung dengan bank, keupayaan untuk membantu orang lain, keupayaan untuk membuat keputusan dalam keluarga dan keupayaan untuk membuat perancangan secara efektif (Solava dan Sabina, 2007). Mereka juga mengatakan bahawa pemerkasaan ialah satu bentuk kawalan (bagaimana untuk mengawal keputusan yang individu lakukan), pilihan (mengawal autonomi dan juga membuat keputusan dalam rumah tangga), komuniti (berubah untuk diri individu sendiri) dan juga peluang (berubah untuk komuniti).

Di samping itu, pemerkasaan juga merupakan satu proses perubahan dalaman dan luaran. Proses dalaman merangkumi kepercayaan atau kebolehan seseorang untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan sendiri manakala proses luaran pula ialah keupayaan untuk bertindak dan melaksanakan pengetahuan praktikal, maklumat, kemahiran, keupayaan dan sumber-sumber lain yang baru yang diperolehi (Parsons et al, 1998). Dalam kehidupan manusia, terdapat empat aspek pemerkasaan (Charlier dan Caubergs, 2007) iaitu aset (kuasa yang merangkumi pendapatan, tanah, sumber atau teknologi), pengetahuan (kuasa untuk menambahkan pengetahuan atau kemahiran dengan membolehkan seseorang individu untuk mengawal individu lain atau komuniti untuk menjadi seorang ketua), kuasa dalaman (kekuatan psikologi, semangat spiritual, keyakinan diri dan juga keupayaan untuk membuat pilihan sendiri) dan kapasiti (kuasa dalaman untuk membuat pilihan sendiri, memikul tanggungjawab dan bebas untuk bertindak).

Secara ringkasnya, pemerkasaan ialah kuasa dan kebebasan diri yang diperolehi oleh seseorang individu. Selain itu, hubungan kuasa lebih menjurus kepada hubungan bersama bagi membuat sesuatu keputusan. Persetujuan itu hanya dapat dicapai sekiranya semua bersetuju dan mencapai kata sepakat.

Bailey (1992) pula mendefinisikan pemerkasaan dalam sesuatu kumpulan projek adalah tertakluk kepada bentuk kumpulan dan persekitaran yang mereka tinggal. Namun, ahli sarjana bersepakat bahawa idea kuasa merupakan asas kepada konsep pemerkasaan. Page dan Czuba (1999) pula berpendapat pemerkasaan adalah proses sosial yang berbentuk multi-dimensional yang bertujuan untuk membantu individu atau kumpulan individu untuk memperolehi kuasa dan kapasiti bagi melaksanakan sesuatu objektif. Mosedale (2003) telah menyenaraikan empat aspek utama yang sering dibincangkan dalam kajian-kajian berkaitan dengan pemerkasaan wanita. Pertamanya beliau mengatakan bahawa sebelum seseorang itu dapat memperkasakan diri, mereka pada awalnya adalah dalam kedudukan yang “tidak berkeupayaan” (*disempowered*). Antara faktorkekangan kepada “ketidakupayaan” ini adalah “norma, kepercayaan, adat dan nilai yang wujud dalam masyarakat yang membezakan antara lelaki dan wanita (Kabeer, 2001). Keduanya, pemerkasaan diri bukan satu anugerah oleh pihak ketiga tetapi individu tersebut perlu berusaha mendapatkannya.

Oleh itu, program-program pembangunan yang dilaksanakan hanya boleh membantu dan menyediakan persekitaran untuk membolehkan seseorang individu atau kumpulan individu mengalami proses pemerkasaan. Ketiganya, definisi pemerkasaan selalunya meliputi keupayaan dan kebolehan individu untuk membuat keputusan mengenai sesuatu perkara yang penting dalam hidup mereka dan berupaya untuk melaksanakannya. Keempat, pemerkasaan adalah satu proses yang berterusan dan bukan menjadi produk akhir. Setiap individu akan melalui fasa pemerkasaan dan fasa “tidak berkeupayaan” secara silih berganti sepanjang kehidupan mereka. Konsep pemerkasaan boleh terbahagi kepada empat kategori iaitu pemerkasaan undang-undang (*legal empowerment*), pemerkasaan politik (*political empowerment*), pemerkasaan ekonomi (*economic empowerment*) dan pemerkasaan sosial (*social empowerment*).

2.2 KONSEP USAHAWAN DAN KEUSAHAWANAN

Terdapat pelbagai definisi usahawan dan keusahawanan yang diutarakan oleh para sarjana berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan. Perkataan ‘usahawan’ itu sendiri berasal daripada bahasa Perancis iaitu *entreprendre* yang bermaksud memikul atau mencuba. Istilah tersebut diperkenalkan oleh Cantillon pada kurun ke-18 (Arpita, 2008; Ab Aziz Yusof et al., 2005). Merujuk kepada Nadim dan Hoffmann (2008), usahawan itu adalah ialah individu (pemilik perniagaan) yang ingin menjana nilai, melalui penciptaan atau pengembangan aktiviti ekonomi, dengan mengenal pasti dan mengeksplorasi produk dan proses. Manakala aktiviti keusahawanan pula merujuk kepada tindakan manusia yang berdaya saing dalam usaha penjanaan nilai, melalui

penciptaan atau pengembangan aktiviti ekonomi dengan mengenal pasti dan mengeksplorasi produk dan proses. Abu Bakar (2005) pula merujuk usahawan kepada individu yang memulakan perniagaan dengan idea yang mudah, perniagaan yang kecil, ringkas dan mereka akan cuba mendapatkan dan menggunakan sumber yang terhad disekeliling mereka untuk merealisasikan perniagaan mereka.

Usahawan akan sentiasa berwaspada ke atas peluang-peluang perniagaan yang orang lain tidak menyadarinya dan mereka akan mengambil tindakan secara imaginatif, kreatif dan inovatif (Kirzner, 1997). Usahawan juga akan mengurus dan mengendalikan sesuatu untuk menanggung risiko (Ab. Aziz, 2003). Perbezaan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan seseorang individu untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membantu, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi (Rohayu et al., 2010) oleh mereka.

Kewujudan usahawan bukanlah sesuatu fenomena yang baru (Dollinger, 1999) kerana mereka telah muncul dan wujud di sepanjang perjalanan sejarah tetapi konsep dan perlaksanaannya pada masa lalu dan sekarang adalah berbeza dari penciptaan dan penerokaan. Golongan ini berupaya memindahkan sumber ekonomi dari sektor yang kurang daya produktivitinya ke sektor yang lebih tinggi daya produktivitinya (Nielsen, 2001). Malah mereka mampu mengenalpasti dan mengambil peluang daripada perubahan ekonomi, menyediakan keperluan kewangan, bertanggungjawab dalam

pengurusan dan pengambilan risiko serta memperbaiki teknik pengurusan, strategi dan lain-lain bidang yang berkaitan sejajar dengan perubahan teknologi (Tan, 1983; Zafir dan Fazilah, 2007). Keusahawanan pula adalah satu proses dan bukannya merujuk kepada orang atau individu (Narendra et al, 2008; Ab Aziz et al., 2005). Bidang keusahawanan masih baru dan terdapat konsep-konsep, model-model serta teori-teori tentangnya yang belum dikaji, dibentuk dan diterokai (Ab. Aziz, 2000). Rao (1998) mengatakan bahawa keusahawanan wanita pula adalah proses di mana wanita menerajui dan memulakan perniagaan atau industri dan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang lain.

2.3 WANITA DAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN

Menurut Entrerprenership Monitor Global pada tahun 2006, keusahawanan merupakan satu medium untuk golongan wanita menjana pendapatan supaya kehidupan lestari akan lebih boleh dicapai (Spevaek, 2011). Kajian telah menunjukkan bahawa aktiviti keusahawanan telah meningkatkan tahap pekerjaan golongan wanita di Eropah dan rantau Euroasia dan semakin ramai wanita di rantau ini akan terus bekerja sendiri dengan menjadikan keusahawanan sebagai cara hidup mereka (UNECE, 2004). Namun kajian oleh Pingle (2005) mendapati bahawa kebanyakan usahawan mikro wanita yang juga merupakan mereka yang menggunakan skim mikro kredit mencebur aktifiti keusahawanan untuk kelangsungan hidup.

Menurut Pingle (2005) lagi, jumlah usahawan wanita yang benar-benar dapat menikmati kehidupan yang lebih lestari hasil daripada penglibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan adalah amat kecil. Di Malaysia, prestasi keusahawanan mikro banyak menghadapi pelbagai cabaran dan masalah yang mana ini amat memberikan implikasi terhadap produktiviti perniagaan mereka dan majoriti daripada mereka adalah *survivalist* (Chong, 2010; Nurbani et.al, 2011). Walau bagaimanapun, di Malaysia, bidang keusahawanan telah berkembang maju dan semakin ramai golongan wanita yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan (Thuaibah et al. 2007).

2.4 PEMERKASAAN WANITA MELALUI PROGRAM KEUSAHAWANAN

Istilah pemerkasaan wanita telah digunakan sejak tahun 1980 lagi terutamanya dalam bidang pembangunan (Imran dan Farhana, 2009). Pemerkasaan wanita ialah apabila wanita itu terlibat dalam proses pembuatan sesuatu keputusan untuk mengubah tahap keyakinan diri mereka, lebih-lebih lagi hal yang berkaitan dengan status wanita dan bagaimana wanita membuat keputusan dalam rumahtangga (Sharma, 2007). Menurut Mosiur et al (2009), wanita yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah perlu membuat keputusan mengenai persekolahan anak-anak selain membuat keputusan mengenai rawatan perubatan keluarga. Bukan itu sahaja, malah wanita membuat keputusan sendiri terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan perbelanjaan isi rumah. Pemerkasaan wanita adalah strategi kepada pembangunan sesebuah negara kerana melibatkan penglibatan penuh wanita terhadap kesaksamaan dalam masyarakat termasuk penyertaan dalam proses membuat keputusan dan akses kepada kuasa yang menjadi asas untuk mencapai pembangunan, kesaksamaan dan juga keamanan (Beijing Declaration,

1995, Hazel dan Sally, 2000). Melalui pemerkasaan juga wanita mendapat kuasa untuk membawa perubahan kepada sosio-ekonomi dan pembangunan sesebuah negara (Jayaraman, 2008). Oleh itu, pemerkasaan dan keusahawanan saling melengkapi antara satu sama lain (Vijayalakshmi dan Prajeetha, 2008). Hal ini kerana keusahawanan adalah satu medium untuk golongan wanita memperkasakan diri melalui peluang dan kebebasan yang diberikan kepada mereka (Geetha dan Barani, 2012).

Pemerkasaan wanita melalui bidang keusahawanan menurut Geetha dan Barani (2012) mampu meningkatkan ekonomi (meningkatkan pendapatan), kebaikan diri (bekerja dalam kumpulan, menyelesaikan konflik, bebas bergerak), keyakinan diri (lebih proaktif, mengambil risiko dan mempengaruhi orang lain) serta status sosial (imej positif, kesaksamaan gender, terlibat dalam kerja komuniti, terlibat dalam aktiviti politik dan terlibat dengan wanita yang terlibat dalam bidang keusahawanan).

Sejak dahulu lagi, wanita telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan juga perusahaan. Hal ini dijelaskan dalam catatan daripada sumber China yang bernama '*Hai Yu*', yang mengatakan wanita telah terlibat dalam perniagaan sebagai peniaga pasar malam dan mereka berniaga di sepanjang jalan di bandar Melaka (Mahani, 2003). Catatan yang dilakukan oleh Abdullah Munshi pada tahun 1837 sehingga tahun 1838 ketika beliau mengembara ke Pantai Timur, juga membuktikan bahawa wanita Melayu telah lama berkecimpung dalam bidang perniagaan (Mahani, 2003). Usahawan wanita merupakan ketua dalam satu perniagaan dengan mengambil inisiatif untuk melancarkan

satu usaha yang baru, menanggung risiko, tanggungjawab sosial, kewangan dan pentadbiran serta menguruskan perniagaan (Lavoie, 1985; Adeyemi, 2004). Menurut Buttner dan Moore (1997), mereka juga menjadi pengusaha dalam perniagaan yang mereka mulakan, menjadi pemilik dengan sekurang-kurangnya mempunya lima puluh peratus pemilikan daripada perniagaan tersebut dan memainkan peranan utama dalam perniagaan yang dijalankan oleh mereka.

Wanita yang terlibat dalam keusahawanan ialah wanita yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat dan menjadi model sebagai usahawan dalam masyarakat (Chu, 2000; Zarina et al, 2007). Mereka juga mempunyai motivasi untuk membangunkan perniagaan sendiri. Bahkan mereka memiliki perniagaan yang bersaiz kecil, sederhana dan besar (McKay, 2001). Golongan ini juga menerima dan mengambil peluang dalam perniagaan untuk mengukuhkan lagi ekonomi mereka dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan keluarga dan kehidupan mereka (Balamurugan, 2008) sendiri.

Pemerkasaan wanita sering menjadi objektif utama yang ditekankan dalam kebanyakkan program pembangunan yang melibatkan penyertaan golongan wanita. Namun, belum ada satu definisi yang tepat untuk mendefinisikan maksud pemerkasaan kerana setiap individu menggunakan makna pemerkasaan untuk perkara yang berbeza. Ramai sarjana dalam bidang pembangunan menekankan aspek penjanaan pendapatan sebagai salah satu jalan keluar yang mudah untuk memberikan wanita terutamanya di

negara membangun “kuasa dalaman” (Ardener dan Burman 1995; Boserup 1970; Fernando 1997; Osmani 1998; Sidney dan Hashemi 1994). Pemerkasaan ekonomi wanita melalui program mikro kredit merupakan salah satu aspek penting yang dibincangkan dalam kajian mengenai pemerkasaan dalam tahun 1990an. Hasilnya terdapat peningkatan penglibatan wanita dalam pasaran informal kerana pasaran sebegini lebih mudah diakses oleh golongan wanita terutamanya wanita miskin. Kebanyakan projek bantuan kepada wanita di Ghana berfokus kepada sistem kredit ‘kutu susu’ (Bortei-Doku dan Aryeetey, 1995) dikalangan wanita.

Perancang pembangunan dan ahli sarjana telah menunjukkan pendapatan yang dijana melalui sistem kredit telah meningkatkan kuasa membuat keputusan dalam rumah tangga. Kebolehan menjana pendapatan sendiri juga akan memberikan kuasa autonomi ekonomi kepada wanita untuk mengumpul aset seperti kemudahan asas, perubatan, barang asas dan seterusnya akan meningkatkan kualiti kehidupan keluarga. Ada banyak kajian mendokumenkan kejayaan kumpulan-kumpulan yang dianggotai oleh wanita yang menekankan kepada pendekatan pemerkasaan ekonomi. Contoh terbaik ialah sistem kredit *Grameen Bank* yang telah membantu wanita miskin di Bangladesh untuk meningkatkan sumber kewangan dan membebaskan diri mereka daripada pusingan ganas kemiskinan. Menurut Cheston and Kuhn (2002), sistem kredit mikro ini mempengaruhi tahap pemerkasaan diri dengan memberi peluang kepada peserta untuk terlibat sama dalam membuat keputusan rumah tangga, meningkatkan keyakinan diri, meningkatkan penglibatan dalam masyarakat dan seterusnya menjadikan mereka lebih tahu mengenai hak-hak mereka. Di Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah

menjadi peneraju sistem kredit mikro (lihat Sukor, 2000; Lucock, 1990) dan dikatakan sebagai salah satu cara untuk memperkasakan wanita melalui aktiviti keusahawanan. Sejak penubuhannya pada 1987, AIM telah menyalurkan sumber kewangan kepada hampir 69,000 keluarga miskin sebanyak RM300 juta (Bahagian Pengagihan, EPU, 2002).

2.5 WANITA NELAYAN DAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN

Menurut Anbarasan (1985), terdapat dua faktor yang menyebabkan penglibatan isteri-isteri nelayan dalam bidang keusahawanan iaitu faktor kumpulan dan juga faktor individu dan faktor-faktor ini mempengaruhi peranan dan status wanita dalam komuniti nelayan atau sebagai nelayan wanita. Faktor kumpulan meliputi ekonomi dan teknologi, kedudukan ekonomi keluarga dan kekayaan, sosio-budaya dan nilai-nilai tradisional, serta penglibatan wanita dalam bidang sosial dan politik. Manakala faktor individu pula meliputi umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan status pekerjaan.

Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa golongan wanita dalam komuniti nelayan terutamanya steri-isteri nelayan telah lama terlibat dalam aktiviti keusahawanan sama ada secara kecil-kecilan atau besar-besaran (Nooraini, 1976). Kebanyakkannya mereka terlibat dalam sektor perikanan, sektor pertanian, sektor perdagangan dan perniagaan serta lain-lain sektor dalam bidang perusahaan. Majoriti penglibatan isteri-isteri nelayan dalam aktiviti keusahawanan adalah untuk menjana pendapatan sampingan bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah (Bambang, 2005). Isteri-isteri

nelayan ini sentiasa terlibat dalam perniagaan kerana pendapatan yang diperolehi oleh suami mereka yang tidak mencukupi untuk perbelanjaan seisi keluarga (Bambang, 2005). Antara bentuk keusahawanan yang dilakukan oleh golongan wanita komuniti nelayan adalah mengusahakan perniagaan ikan kering, membuat keropok, makanan ringan seperti kerepek, menjual kuih, membuka kedai runcit, menjadi peraih ikan dan menjadi peraih beras (Wan Abdul Kadir, 1974).

Selain itu terdapat juga isteri-isteri nelayan yang terlibat dalam bahagian pemprosesan dan pengeluaran ikan, perdagangan dan pemasaran ikan, akuakultur dan terlibat dalam aktiviti yang tidak berkaitan dengan perikanan (Jahara, 1998). Penglibatan mereka dalam aktiviti pantai paling jelas dalam sektor pemprosesan hasil laut kerana hanya berskala kecil. Dalam industri besar pula, mereka bekerja di kilang memproses udang. Kajian Jahara (1998) juga menunjukkan bahawa isteri-isteri nelayan yang mempunyai kedai runcit, kebiasaannya kedai runcit tersebut dibuka oleh suami mereka dan tugas menjaga kedai runcit tersebut diserahkan kepada isteri kerana mereka tidak perlu turun ke laut untuk menangkap ikan. Kedai runcit dibuka di luar rumah mereka sendiri dan diusahakan secara kecil-kecilan sahaja. Mereka menjual ikan, sayur-sayuran dan barang-barang lain yang menjadi keperluan penduduk kampung.

Penglibatan wanita dalam bidang akuakultur pula berbeza kerana mereka terlibat sepenuhnya dalam aktiviti perikanan yang bertugas menyediakan makanan ikan, memberi makanan kepada ikan, membersihkan sangkar dan jala ikan serta menjaga

kolam ikan. Kajian oleh Nor Hafizah et.al (2010) juga mendapati bahawa ada juga wanita dalam komuniti nelayan yang tidak terlibat dalam hal berkaitan dengan perikanan tetapi lebih menjurus kepada bidang pelancongan. Mereka menyediakan penginapan kepada pelancong iaitu rumah rehat untuk membolehkan para pelancong tinggal bersama mereka. Di samping menyediakan penginapan kepada para pelancong, golongan wanita ini juga terlibat dalam industri kraftangan seperti membuat batik, menenun songket, membuat barang silver dan *bras* serta membuat tikar. Isteri-isteri nelayan juga terlibat dalam perusahaan kecil-kecilan yang berdasarkan kepada produk marin seperti bebola ikan dan keropok ikan. Bukan itu sahaja, mereka juga terlibat dalam pemprosesan pembuatan mi kuning, membuat tofu, membuat kek, menghasilkan taugeh dan juga menjahit.

Kajian Stella (1996) di Koko, Nigeria adalah mengenai wanita nelayan menjana pendapatan mereka sendiri dengan terlibat dalam aktiviti perikanan seperti menjadi nelayan, memproses ikan, menjual ikan di pasar, menjadi penoreh getah, menjadi petani, membuat tikar dan lain-lain lagi. Namun begitu, terdapat juga wanita di perkampungan nelayan tersebut yang tidak terlibat dalam bidang perikanan tetapi mereka menjana pendapatan melalui pekerjaan lain seperti menjadi perek fesyen, pelayan di restoran, bekerja di hotel, menjadi tukang jahit dan bekerja di sektor awam. Kajian Carrie (2000) membuktikan bahawa golongan wanita dalam komuniti nelayan sememangnya memainkan peranan yang besar dalam industri perikanan kerana mereka bukan sahaja terlibat dalam memproses dan menjual ikan malah mereka juga yang membaiki jala dan

sangkar ikan serta menguruskan kewangan dan keperluan rumah tangga dan anak-anak apabila suami turun ke laut.

Walaupun, terdapat banyak kajian telah dibuat mengenai wanita dalam komuniti nelayan dan keusahawanan namun kajian yang melihat kepada wanita dalam organisasi persatuan nelayan dan penglibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan adalah masih kurang. Di Malaysia, kajian mengenai masyarakat nelayan telah banyak dilakukan namun kajian yang memfokuskan kepada organisasi nelayan seperti persatuan KUNITA adalah tidak banyak apatah lagi yang cuba untuk melihat aktiviti keusahawanan dan kaitannya dengan pemerkasaan wanita. Oleh itu, kajian tesis ini akan dapat mengisi kelompongan ilmu dalam bidang keusahawanan wanita dan pemerkasaan.

2.6 KERANGKA TEORITIKAL

Dalam bahagian ini, dua bentuk dimensi yang akan digunakan dalam kajian ini akan dibincangkan iaitu dimensi penentu aktiviti keusahawanan dan dimensi pemerkasaan yang melibatkan indikator-indikator tertentu bagi mengukur aktiviti keusahawanan dan bagaimana aktiviti keusahawanan ini mempengaruhi tahap pemerkasaan yang berlaku dalam kalangan informan kajian sebelum mereka menyertai KUNITA dan selepas mereka terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh Persatuan KUNITA.

2.6.1 Indikator Penentu Aktiviti Keusahawanan

Berdasarkan sorotan karya, ramai sarjana berpendapat bahawa usahawan dan aktiviti keusahawanan tercipta disebabkan oleh gabungan tiga faktor iaitu peluang, orang yang berkemahiran dan sumber (Nadim dan Hoffmann, 2008). Kesemua tiga faktor ini dipengaruhi oleh dua tema penting iaitu kerangka regulasi dan struktur budaya yang wujud dalam persekitaran tersebut. Sorotan karya yang dibuat mendapati bahawa ada banyak aspek dan cara untuk mengukur sesuatu aktiviti keusahawanan. Merujuk kepada kerangka yang dianjurkan oleh Nadim dan Hoffmann (2008), ada tiga dimensi utama yang boleh dikaji dalam mengukur aktiviti keusahawanan iaitu penentu keusahawanan (*determinants of entrepreneurship*), prestasi keusahawanan (*entrepreneurial performance*) dan impak keusahawanan (*impact of entrepreneurship*).

Dalam dimensi penentu keusahawanan, ada pelbagai indikator digunakan termasuklah kerangka undang-undang, kajian dan pembangunan teknologi, keupayaan keusahawanan, nilai budaya, akses kepada kewangan dan keadaan pasaran. Manakala, dimensi prestasi keusahawanan melibatkan indikator pertumbuhan dan kelestarian sesebuah aktiviti keusahawanan manakala impak keusahawanan merujuk kepada peluang pekerjaan, pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kadar kemiskinan (Nadim dan Hoffmann, 2008). Untuk kajian ini, dimensi penentu aktiviti keusahawanan akan digunakan untuk mengukur aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh isteri-isteri nelayan dalam persatuan KUNITA. Rangka konseptual dimensi ini adalah berdasarkan kepada kajian terdahulu mengenai penentu prestasi keusahawanan (Shaw, 2002; Okurut, 2008; Adekunle, 2011; Schiebold, 2011) dan bagi tujuan analisis kajian ini, rangka